BAB 1 Kedatangan Kuasa Barat

Bahagian A

Jawab semua *soalan.*

1.1 Kestabilan dan Kemakmuran Negara Kita

1 Maklumat berikut berkaitan dengan satu sistem pentadbiran Adat Perpatih di Negeri Sembilan.

X

↓

Terlibat secara langsung dalam pelantikan Buapak

X ialah
A Undang
B Lembaga
C Ibu Soko
D Anak Buah

BT ms. 5

2 Negara kita kaya dengan sumber hutan.
Apakah negara pengimport utama hasil hutan tersebut?
I Siam
II Jepun
III Acheh
IV Burma
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

BT ms. 6

3 Sistem sukatan tersebut pernah digunakan dalam masyarakat Melayu. Pilih padanan yang **betul**.

I	1 leng	2 kepul
II	1 kal	2 leng
III	1 gantang	4 kal
IV	1 cupak	1 pikul

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

BT ms. 7

4 Maklumat berikut merujuk sistem timbangan yang pernah digunakan oleh masyarakat Melayu pada suatu ketika dahulu.

- Kati
- Tahil

Sistem timbangan tersebut dibawa oleh golongan pedagang yang berasal dari
A Arab
B Parsi
C India
D China

BT ms. 7

5 Apakah negeri yang mempunyai kaitan dengan pengeluaran mata wang emas berikut?

Duit Kijang

A Perak
B Pahang
C Kelantan
D Terengganu

BT ms. 7

6 Bagaimanakah pendidikan tidak formal disampaikan kepada masyarakat tempatan di negara kita?
I Pendidikan pondok
II Pantang larang
III Cerita teladan
IV Madrasah
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

BT ms. 8

7 Maklumat berikut merujuk cerita rakyat yang diajarkan kepada kanak-kanak.

Si Tanggang Anak Derhaka

Apakah iktibar yang boleh diperoleh daripada cerita rakyat tersebut?
A Sentiasa tabah
B Rajin menuntut ilmu
C Tidak bersikap tamak
D Tidak menderhaka kepada ibu bapa

BT ms. 8

1.2 Faktor Kedatangan Kuasa Barat ke Negara Kita

8 Maklumat berikut merupakan barangan yang diperlukan oleh orang Barat dari negara Timur.

- Teh
- Sutera
- Tembikar

Barang tersebut berasal dari
A Jepun
B China
C Siam
D India

BT ms. 11

9 Maklumat berikut merujuk peristiwa yang berlaku pada abad ke-17.

Revolusi Perindustrian

Apakah negara yang terawal mengalami peristiwa tersebut?
A Britain
B Perancis
C Portugis
D Sepanyol

BT ms. 11

10 Perkembangan industri pengetinan telah membawa kepada keperluan untuk mendapatkan bijih timah.

LIVEWORKSHEETS